

Newspaper	AMANAHAH
Date	23 OCTOBER 2016

Tun M cadang satu simbol, satu manifesto, satu calon lawan BN

Amanah - 23/10/2016

BEKAS perdana menteri paling lama, Tun Dr Mahathir Mohamad menyeru semua parti pembangkang supaya bersatu untuk mengalahkan Umno/BN dalam pilihanraya umum akan datang dengan menggunakan satu simbol, satu manifesto dan hanya satu calon lawan Barisan Nasional (BN).

"Semua parti pembangkang mesti bersatu dengan menggunakan satu simbol, satu manifesto, satu calon untuk mengalahkan Umno/BN," kata Tun Dr. Mahathir ketika menyampaikan ucapannya di ceramah mega sempena setahun AMANAH anjuran parti itu peringkat negeri Selangor di Shah Alam minggu lalu.

Katanya, kalau pembangkang tidak bersatu sukarlah untuk mengalahkan Umno/BN.

Ini, kata beliau, berdasarkan pengalamannya dalam Umno/BN dulu di mana ada 16 komponen BN, menggunakan satu symbol, satu manifesto, satu calon untuk menentang pembangkang yang tidak bersatu menyebabkan pembangkang sering kalah.

Kali ini parti pembangkang, katanya, perlu melupakan perselisihan dan ideology masing, untuk bersatu menentang Umno/BN.

Kalau tidak bersatu, kata Tun Dr. Mahathir, bererti laluan mudah Umno/BN menang di

mana rakyatlah yang akan menderita kerana kerajaan yang ada salah urus negara, rasuah, penyelewengan dan pelbagai lagi kepincangan.

Beliau berkata, agama menentang rasuah, penipuan dan penyelewengan.

Tetapi malangnya, berlaku juga kemungkinan ini kerana melakukan rasuah dan penyelewengan adalah suatu dosa yang akan menerima padahnya di akhirat nanti.

Menurut Tun Dr. Mahathir, ada yang berkata jika kerajaan mahu memusnahkan legasi beliau sebagai bekas perdana menteri, mereka akan meruntuhkan bangunan ikonik KLCC.

"Pasal apa KLCC saja? Jabatan Perdana Menteri pun dulu saya buat, rumah perdana menteri pun saya buat juga. Jadi, buanglah Putrajaya, Cyberjaya, KLIA semuanya. Takut orang ingat saya, tapi saya tidak suruh orang ingat saya," kata Tun. Dr Mahathir.

Beliau berkata, mereka yang berkuasa takut bahawa rakyat akan mengenang segala sumbangannya sebagai perdana menteri selama 22 tahun.

"Tetapi saya tak pernah minta orang ramai untuk ingat saya. Adakah mana-mana tempat yang ada nama saya? Tak ada, satu



Antara yang hadir di majlis sambutan setahun AMANAH di Shah Alam baru-baru ini.

pun tak ada.

"Saya tegah. Sebaliknya dulu, kalau jadi menteri pelajaran, sekolah-sekolah dulu semua nama menteri pelajaran," katanya.

Dr Mahathir berkata semasa tempoh beliau memegang jawatan, beliau melarang sekolah, jalan dan bangunan dinamakan atas nama menteri dan pegawai yang masih

hidup.

"Nama menteri tidak boleh dipasang di mana-mana sekolah. Dah jadi perdana menteri, nama jalan pun tidak boleh. Kalau nak nama awak dikenakan (diletakkan) pada mana-mana bangunan, mati dulu," katanya disambut dengan gelak ketawa.